

Perbadanan Labuan terima bajet pembangunan RM15 juta

LABUAN: Perbadanan Labuan telah menerima peruntukan bajet pembangunan sebanyak RM15 juta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di bawah Program Strategi Jangka Masa Sederhana Pasca COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman berkata, peruntukan itu bertujuan merangsang semula ekonomi Labuan yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19 dan juga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, kerajaan melalui Kementerian Kewangan juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta di bawah Program Rangsangan Ekonomi (PRE) bagi melaksanakan pelbagai projek penyelenggaraan kemudahan awam.

"Melalui peruntukan itu Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan untuk melaksanakan pelbagai projek-projek kecil bagi menggerakkan ekonomi Labuan secepat mungkin.

"Ia juga yang akan memberi manfaat kepada kon-



DR FARY

traktor di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di pejabatnya di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Pada masa sama, Perbadanan Labuan juga akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan bagi meningkatkan dan menaik taraf produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta melengkapkan mereka sebagai usahawan yang berdaya saing.